

Integrasi *Ijtihād Jamā'ī* (Kolektif) dalam Institusi-institusi Fatwa
The Integration of Collective Ijtihād in Fatwa Institutions

Muhammad Anas Azmi & Amir Fazlim Jusoh[✉]

Research Centre for Sharia, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor, Malaysia

ABSTRAK

Umat Islam pada hari ini hidup dengan rintangan-rintangan yang pelbagai dalam kehidupan sama ada dari aspek agama, politik, ekonomi, masyarakat, budaya, cara fikir dan sebagainya. Realiti pada hari ini berhajat untuk mengeluarkan masyarakat dari permasalahan agama dengan kadar waktu yang segera dan meminimalkan kemudaran yang berlaku dalam masyarakat dek kerana limpahan persoalan agama yang tidak boleh bergantung hanya kepada seorang mufti yang dilantik. Oleh itu, objektif kajian ini adalah menghuraikan kelayakan para mufti zaman kini serta munasabah ijtihad fardi kini, menyatakan keperluan penubuhan unit-unit buhuth dalam institusi fatwa serta membahaskan parameter-parameter yang diperlukan untuk merealisasikan ijtihad kolektif dalam institusi fatwa. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif untuk menganalisis keahlian Jawatankuasa Fatwa Negeri-Negeri dalam pelaksanaan ijtihād jamā'ī di Malaysia. Hasil kajian mendapati bahawa di mana kumpulan pakar dalam berbagai disiplin dapat bekerjasama untuk menghasilkan fatwa yang lebih komprehensif dan sahih. Oleh itu, tindakan Malaysia menubuhkan keahlian jawatankuasa fatwa di negeri-negeri adalah tindakan yang tepat bagi membentuk proses kolektif tersebut selaras dengan Perlembagaan Malaysia Jadual Kesembilan serta perlu memenuhi metodologi untuk membentuk *ijtihād jamā'ī*, iaitu *al-taṣwir* (gambaran), *al-takyif* (penyesuaian), *bayān al-hukm* (penjelasan hukum), *al-iftā'* (pengeluaran fatwa) dan *al-mushawarah* (perbincangan).

KATA KUNCI

Ijtihād jamā'ī, institusi fatwa, mufti, unit *buhūth*, proses kolektif

ABSTRACT

Muslims today face a diverse range of challenges encompassing religion, politics, economics, society, culture, and intellectual paradigms. The complexity of contemporary issues necessitates the timely resolution of religious matters and the mitigation of potential harm caused by the proliferation of religious inquiries—tasks that cannot be effectively managed by a single appointed mufti. This study aims to explore the qualifications required of contemporary muftis and the viability of individual ijtihad in the modern era. It emphasizes the need for establishing research units within fatwa institutions and examines the parameters necessary to implement collective ijtihad within these institutions. Employing a qualitative methodology, this research analyzes the composition and functions of State Fatwa Committees in Malaysia to assess their role in facilitating collective ijtihad (*ijtihād jamā'ī*). The findings reveal that assembling groups of experts from diverse disciplines enables the formulation of more comprehensive and authentic fatwas. Malaysia's structured approach to forming State Fatwa Committees aligns with the Ninth Schedule of the Malaysian Constitution and adheres to the methodological framework for collective ijtihad. This framework includes critical stages such as *al-taṣwir* (contextualization), *al-takyif* (adaptation), *bayān al-hukm* (clarification of rulings), *al-iftā'* (fatwa issuance), and *al-mushāwarah* (consultation). This approach not only enhances the credibility and relevance of fatwas but also underscores the importance of collaboration in addressing the multifaceted challenges faced by the Muslim community today.

KEYWORDS

Collective ijtihad, fatwa institutions, mufti, research units, collective process

Article History

Received: November 4 2024,

Revised: November 29, 2024,

Accepted: December 5, 2024

Published: December 25, 2024

Contact

Amir Fazlim Jusoh
(Corresponding Author)
amiry@ukm.edu.my

Citation

Muhammad Anas Azmi, Amir Fazlim Jusoh 2024. Integrasi *Ijtihād Jamā'ī* (Kolektif) dalam Institusi-institusi Fatwa. *Journal of Contemporary Islamic Law*. 9(2): 52-63.

Copyright

© 2024 by the author(s)



This work is licensed under a Creative Commons Attribution-Non-Commercial 4.0 International License.
(<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>)

PENGENALAN

Sebagai wahana reformasi, pembaharuan, dan panduan agama, ijtihād berusaha untuk mengekalkan kesinambungan asas-asas Islām sambil mengikuti realiti masyarakat yang sentiasa berubah. Namun, dalam konteks semasa, terdapat mufti yang tidak cukup syarat untuk memenuhi peranan mereka dengan berkesan yang mengakibatkan keperluan mendesak untuk mengaplikasikan ijtihād *jamā'ī* dalam institusi-institusi fatwa. Kepedulian terhadap kesinambungan dan perubahan ini mencirikan peranan ijtihād *jamā'ī* dalam hubungannya dengan kehidupan sebenar, menjadikan syarī'ah Islām sebagai kekuatan yang hidup dalam masyarakat dan memastikan fleksibiliti serta kebolehannya diterapkan pada semua zaman, generasi, dan tempat. Dengan memastikan kelayakan dan kebebasan melalui ijtihād *jamā'ī*, syarī'ah dapat dicirikan oleh keluasan dan fleksibiliti, serta mengandungi peraturan yang boleh diubah dan yang tidak boleh diubah; satu ciri unik yang memastikan kelangsungannya dan membolehkannya bergerak melalui masa dengan mudah, melangkaui batasan ruang dan waktu serta menyediakan panduan terkini untuk umat Islām.

Walau bagaimanapun, sifat mono-disiplin dalam keilmuan moden, di mana kepakaran seorang sarjana hanya dalam satu disiplin, menjadikan ijtihād kelihatan tidak mampu memberikan penyelesaian yang optimal kepada isu-isu syarī'ah yang kompleks. Ini adalah tepat kerana setiap sarjana hanya mempunyai pemahaman menyeluruh dalam satu bidang, sedangkan isu-isu yang timbul memerlukan pemahaman luas dalam beberapa bidang. Menyedari kesukaran yang mungkin dihadapi individu dalam melaksanakan ijtihād, al-Shalabī (1982) berpendapat bahawa ijtiḥād harus dilakukan secara kolektif. Beliau juga menunjukkan bahawa ini boleh dicapai dengan menubuhkan "*al-Majma' al-Fiqhī*" atau "Majlis Tertinggi untuk Undang-undang dan Perundangan Agama" (*al-Majlis al-A'lā li al-Fiqh wa al-Tashrī*). Oleh itu, ijtihād *jamā'ī* membolehkan setiap sarjana melengkap antara satu sama lain.

Selain itu, ijtihād *jamā'ī* kini dilaksanakan secara teratur dan sistematik, disokong oleh kerajaan atau pemerintah. Menurut Ḥassan (2003), formulasi pertama ijtihād *jamā'ī* telah diwujudkan secara berautoriti semasa Empayar Uthmāniyyah yang mengeluarkan Kod Sivil Islām (*Majallah*) semasa tempoh Tanzimat. Sebuah Jawatankuasa Ahli Hukum yang terdiri daripada tujuh orang (Jawatankuasa *Majallah*) telah dilantik di bawah kepimpinan Cevdet Pasha untuk menyusun undang-undang transaksi berdasarkan mazhab Ḥanafī, yang kemudian akan diterapkan di seluruh Empayar. Kini, ijtihād *jamā'ī* telah berkembang menjadi sebuah institusi dengan kuasa khusus untuk melaksanakan ijtihād secara kolektif apabila memutuskan fatwa di sesebuah negara atau negeri (al-Qaradawi, 1996). Hasilnya, institusi ijtihād *jamā'ī* dapat menyediakan penyelesaian yang

lebih kontekstual dengan realiti semasa kerana himpunan pelbagai bidang kepakaran dalam proses membuat keputusan fatwa terakhir.

Kasan (2016) dalam kajiannya menyatakan dalam konteks Malaysia, amalan ijtihād *jamā'ī* telah dilaksanakan oleh setiap negeri di Malaysia melalui Jawatankuasa Fatwa Negeri yang tertakluk kepada Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri. Perlantikan mufti dan ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri serta prosedur mengeluarkan fatwa semuanya tertakluk kepada Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri masing-masing. Dalam konteks yang sama, ijtihād *jamā'ī* memastikan kesalinglengkapan antara para sarjana dan pakar. Sifat sistem pendidikan moden telah memecah-belahkan ilmu kepada pelbagai disiplin dan mencipta pelbagai pengkhususan serta sub-bidang dalam setiap disiplin sehingga hampir mustahil bagi sarjana syarī'ah kontemporari untuk menguasai teknik-teknik baru dan kehalusan yang timbul.

Sarjana syarī'ah sangat memerlukan penglibatan ahli di luar bidang untuk memahami sepenuhnya realiti yang mereka harapkan untuk membuat kesimpulan. Di sinilah mekanisme ijtihād *jamā'ī* memainkan peranannya, kerana ia memberi ruang untuk penyatuan potensi antara ahli di luar bidang dan sarjana agama, mengumpulkan usaha mereka melalui aplikasi praktikal satu prinsip penting lain, iaitu *shūrā*, satu usaha kolektif dan proses membuat keputusan berdasarkan perundingan bersama. Konsep perundingan ini sentiasa menjadi usaha manusia yang bersejarah dan amat penting, yang akhirnya terwujud dalam amalan Nabi SAW dan para sahabatnya selepas kewafatannya. Mekanisme *shūrā* ini boleh menjadi alat penting dalam proses ijtihād untuk memastikan kesalinglengkapan yang diperlukan antara pakar bukan fiqh dan para ahli hukum dalam pendekatan antara disiplin dan multidisiplin (Sharaf ī, t.t). Oleh itu, objektif kajian ini adalah menghuraikan kelayakan para mufti zaman kini serta munasabah *ijtiḥād fardī* kini, menyatakan keperluan penubuhan *unit-unit buḥūth* dalam institusi fatwa serta membahaskan parameter-parameter yang diperlukan untuk merealisasikan ijtiḥād kolektif dalam institusi fatwa.

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian yang digunakan adalah pendekatan kualitatif iaitu prosedur penyelidikan yang menghasilkan data gambaran yang boleh diamati di dalam kajian integrasi ijtiḥād kolektif dalam institusi-institusi fatwa ini. Pendekatan kualitatif dalam penyelidikan ini adalah kajian kes untuk menghimpun data Keahlian Jawatankuasa Fatwa di Negeri-Negeri. Tambahan pula, keahlian Jawatankuasa Fatwa Negeri-Negeri adalah berbeza dari satu negeri ke negeri yang lain. Artikel ini akan cuba mengaplikasikan amalan-amalan semasa ijtihād *jamā'ī* yang berlaku dalam institusi fatwa secara menyeluruh termasuk parameter-parameter pelaksanaan proses kolektif tersebut.

TINJAUAN LITERATUR

1. Kriteria Asas Ijtihād *Jamā'ī* dalam Institusi Fatwa

Ijtihād *jamā'ī* atau ijtihād kolektif telah lama diakui sebagai pendekatan yang mengutamakan kolaborasi pelbagai disiplin dalam proses pengambilan keputusan hukum. Namun, dalam konteks cabaran kontemporari seperti isu halal global, kewangan Islam, dan perundangan rentas budaya, terdapat keperluan mendesak untuk memperhalusi mekanisme dan kriteria asasnya. Pendekatan ini melibatkan integrasi bukan sahaja dari segi kepakaran fiqh tetapi juga bidang lain seperti ekonomi, sains, dan teknologi, bagi memastikan keputusan hukum lebih komprehensif dan berdaya saing. Melalui penyertaan aktif kumpulan pakar yang pelbagai, ijtihād *jamā'ī* mampu menangani isu-isu semasa yang kompleks, menjadikannya relevan dengan keperluan institusi fatwa moden dan masyarakat global hari ini. Pendekatan ini menyerlahkan keperluan institusi fatwa untuk mengadaptasi struktur sedia ada, khususnya melalui penubuhan unit buhuth bersepadu yang lebih proaktif.

2. Ijtihād *Jamā'ī*: Tinjauan Konseptual

Sebenarnya, terma ijtihād *jamā'ī* secara teknikal tidak disebut dalam *uṣūl al-fiqh* klasik (Muṣṭafā, 2006). Namun, idea ijtihād kolektif boleh ditemui dengan mudah dalam amalan awal ijtihād dan *ijmā'*. Sebaliknya, beberapa sarjana dan penyelidik kontemporari telah berusaha untuk mendefinisikan istilah ini. Menurut mereka, ijtihād kolektif bermaksud memberi kepercayaan dalam misi mengkaji dan mengeluarkan hukum kepada sekumpulan sarjana, pakar, dan ahli dalam bidang tertentu, sama ada mereka menjalankan misi ini berdasarkan perundingan mutlak atau dalam sebuah majlis khusus di mana mereka berbincang dan berunding antara satu sama lain untuk mencapai pendapat bersama sama ada secara sebulat suara atau majoriti dan mengeluarkannya sebagai fatwa (Shāwī, 1992).

Dalam cadangan dan resolusi sebuah persidangan yang diadakan oleh Fakulti Syariah dan Undang-undang UAE mengenai ijtihād *jamā'ī* dalam dunia Islām, satu definisi teknikal ijtihād kolektif telah dirumuskan sebagai kesepakatan majoriti ahli hukum dalam sebuah akademi fiqh tertentu, badan hukum atau institusi yang diatur oleh penguasa sebuah negara Islām, mengenai suatu hukum praktikal yang tidak terdapat teks definitif yang berkaitan dengan penetapan dan indikasinya setelah menghabiskan usaha maksimum mereka dalam perbincangan dan perundingan (UAE, 1996). Menurut al-Sharafī (t.th.), ijtihād kolektif adalah pengeluaran usaha sepenuhnya oleh majoriti ahli hukum untuk mencapai suatu keputusan hukum melalui pengetahuan yang mungkin (*zann*) berdasarkan deduksi hukum di mana mereka bersetuju dengan keputusan tersebut secara sebulat

suara atau majoriti selepas perundingan bersama. Definisi keempat menurut (‘Aṭṭār, t.th.) adalah kesepakatan lebih daripada seorang mujtahid mengenai suatu keputusan hukum melalui perundingan bersama selepas melakukan usaha maksimum mereka dalam deduksi dari sumber-sumber yang relevan. Definisi lain menyatakan bahwa ijtihād kolektif adalah melakukan usaha terbaik dan semaksimum mungkin oleh sekumpulan sarjana dalam mengkaji dan membincangkan suatu perkara untuk mencapai suatu keputusan hukum yang sesuai untuk dikeluarkan oleh keseluruhan kumpulan (Zubayr, 2009).

Definisi-definisi ijtihād *jamā'ī* ini berkongsi beberapa perkara umum, iaitu pengeluaran usaha sepenuhnya oleh ahli-ahli hukum melalui perundingan bersama dan usaha kolektif. Namun, mereka berbeza dari segi sifat kolektif, sama ada ia ditubuhkan oleh lebih daripada satu ahli hukum, atau oleh majoriti atau sekumpulan ahli hukum. Sebenarnya, ijtihād *jamā'ī* adalah kata nama majmuk yang terdiri daripada dua perkataan, *ijtihād* dan *jamā'ī*. Oleh itu, ia boleh ditakrifkan berdasarkan definisi ijtihād bersama penetapan elemen kolektif.

Dari segi bahasa, *jamā'ī* diambil dari perkataan *jamā'ah*, iaitu sekumpulan orang, sama ada kecil atau besar bilangannya. Ia mempunyai makna yang sama dengan perkataan *jam'* (plural) (Fayyūmī, t.t.). Namun, para sarjana mempunyai pendapat yang berbeza mengenai bilangan minimum yang membentuk ucapan jamak. Majoriti ahli hukum menganggap bilangan jamak paling sedikit adalah tiga dan pendapat ini dipegang oleh Ibn ‘Abbās, Abū Ḥanīfah, al-Shāfi‘ī, dan majoriti ahli tatabahasa Arab (Shawkānī, 2000). Berdasarkan pandangan ini dan definisi-definisi ijtihād yang disebutkan sebelum ini, kita boleh menyimpulkan bahawa ijtihād *jamā'ī* adalah bentuk ijtihad yang dilakukan oleh sekumpulan orang yang terdiri daripada sekurang-kurangnya tiga ahli hukum. Ia boleh ditakrifkan sebagai pengeluaran usaha sepenuhnya oleh sekumpulan ahli hukum untuk mencapai pengetahuan yang mungkin mengenai suatu hukum berdasarkan perundingan bersama. Sudah tentu, apabila kumpulan tersebut mengandungi sebanyak mungkin ahli hukum dan pakar, fatwa yang dihasilkan daripada proses sedemikian akan lebih dipercayai.

Berdasarkan definisi-definisi ijtihād *jamā'ī* yang telah dibahaskan sebelum ini telah dijadualkan di dalam jadual 1 seperti berikut:

Sumber	Definisi
T. al-Shawi, <i>Fiqh al-Shūrā wa al-Istisharah</i> (Al-Mansoura: Dār al-Wafā', edisi ke-2, 1992), vol. 1, hlm. 242.	Mempercayakan misi mengkaji dan mengeluarkan hukum kepada sekumpulan sarjana, pakar, dan ahli dalam bidang tertentu, sama ada mereka menjalankan misi ini berdasarkan perundingan mutlak atau dalam sebuah majlis khusus di mana mereka berbincang dan berunding antara satu sama lain untuk mencapai pendapat bersama sama ada secara sebulat

	suara atau majoriti dan mengeluarkannya sebagai fatwa (keputusan hukum).
Kertas Kerja Persidangan tentang <i>al-Ijtihād al-Jamā'ī fī al-'Ālam al-Islāmī</i> (al-Ain, UAE: United Arab Emirates University, 1996), dianjurkan oleh Fakulti Syarī'ah dan Undang-undang, vol. 2, hlm. 1079.	Kesepakatan majoriti ahli hukum dalam sebuah akademi fiqh tertentu, badan hukum atau institusi yang diatur oleh penguasa sebuah negara Islam, mengenai suatu hukum praktikal yang tidak terdapat teks definitif yang berkaitan dengan penetapan dan indikasinya setelah menghabiskan usaha maksimum mereka dalam perbincangan dan perundingan.
'Abd al-Majid al-Sharafī, <i>Al-Ijtihād al-Jamā'ī fī al-Tashrī' al-Islāmī</i> , hlm. 46.	Pengeluaran usaha sepenuhnya oleh majoriti ahli hukum untuk mencapai suatu keputusan hukum melalui pengetahuan yang mungkin (<i>ẓann</i>) berdasarkan deduksi hukum di mana mereka bersetuju dengan keputusan tersebut secara sebulat suara atau majoriti selepas perundingan bersama.
'Abd al-Nasir Tawfiq 'Attar, "Al-Ta'rīf bi al-Ijtihād al-Jamā'ī," <i>Persidangan tentang al-Ijtihād al-Jamā'ī fī al-'Ālam al-Islāmī</i> , vol. 1, hlm. 31.	<i>Ijtihād kolektif</i> adalah kesepakatan lebih daripada satu mujtahid mengenai suatu keputusan hukum melalui perundingan bersama selepas melakukan usaha maksimum mereka dalam deduksi dari sumber-sumber yang relevan.
'Abd Allah al-Zubayr, <i>Al-Ijtihād al-Jamā'ī: Ususuḥu wa Dawābiḥuh</i> (Sudan: Hay'at al-A'māl al-Fikrīyah, 2009), hlm. 15.	<i>Ijtihād kolektif</i> adalah melakukan usaha terbaik dan maksimum oleh sekumpulan sarjana dalam mengkaji dan membincangkan suatu perkara untuk mencapai suatu keputusan hukum yang sesuai untuk dikeluarkan oleh keseluruhan kumpulan.


Jadual 1: Definisi Ijtihād *Jamā'ī*

3. Klasifikasi Ijtihād *Jamā'ī* dan Amalan Semasa yang Mendasar dalam Institusi Fatwa

Sanū Qutūb (2004) mengkategorikan ijtihād *jamā'ī* kepada tiga kategori seperti berikut:

- *Ijtihād Jamā'ī Qutrīyy* iaitu ijtihād secara kolektif di peringkat tempatan atau negeri.
- *Ijtihād Jamā'ī Iqlīmīyy* iaitu ijtihād secara kolektif di peringkat nasional atau negara yang merangkumi beberapa negeri di dalamnya.

Ijtihād Jamā'ī Umamīyy iaitu ijtihād secara kolektif di peringkat antarabangsa yang melibatkan beberapa buah negara.



Secara umumnya, bentuk pertama dan kedua ijtihād *jamā'ī* ini dapat dilihat wujud di Malaysia. Kehadiran unit buhuth atau unit penyelidikan fatwa mencerminkan semangat ijtihād *jamā'ī* di negara ini, ditambah lagi dengan muzakarah yang diadakan di peringkat kebangsaan.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

1. Amalan Semasa Ijtihād *Jamā'ī* Qutrīyy di Malaysia

Di Malaysia, terdapat 12 jabatan *mufti* rasmi yang diketuai oleh *Mufti*, dan mereka mempunyai kuasa untuk mengeluarkan *fatwa* mengenai undang-undang Islam melalui jawatankuasa *fatwa*. *Istinbāḥ* hukum oleh jabatan rasmi Kerajaan Negeri dijalankan secara kolektif (ijtihād *jamā'ī*). *Mufti* dan jawatankuasanya dilantik oleh Raja dan Sultan untuk negeri-negeri beraja dan Yang di-Pertuan Agong untuk negeri-negeri tidak beraja (Asni, 2016).

Tiada kelayakan khusus yang dinyatakan dengan jelas dalam Enakmen atau Akta Pentadbiran Agama Islam Negeri mengenai kelayakan *mufti*, sama ada dalam bidang kepakaran, tahap kelayakan akademik, atau dari segi keunggulan. Walaupun begitu, dalam praktiknya, semua *mufti* yang dilantik mempunyai sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda (Yaacob, 1998). Berdasarkan struktur hierarki, semua negeri mempunyai tiga jawatan utama yang standard, iaitu *mufti*, *timbangan mufti*, dan *setiausaha*. Namun, terdapat perbezaan dalam komposisi jawatankuasa *fatwa* negeri, di mana Jawatankuasa *Fatwa* Negeri Selangor juga terdiri daripada *Penasihat Undang-undang Negeri*, berbeza dengan negeri-negeri lain (Seksyen 46). Perbezaan juga terletak pada bilangan '*ulamā'* *Islām* yang boleh dilantik sebagai ahli jawatankuasa, di mana di Kelantan, bilangan ulama *Islām* yang boleh dilantik sebagai ahli jawatankuasa adalah antara lapan hingga 15 orang (Seksyen 33), manakala di Perak hanya antara dua hingga lima orang (Seksyen 35). Perbezaan dalam bilangan ini memberikan perbezaan dalam kekuatan kepakaran dan sumbangan idea dalam kalangan ahli jawatankuasa.

Usaha untuk menyeragamkan *fatwa* di peringkat negeri dan pusat dilakukan melalui penyelarasan kaedah rujukan pandangan mazhab. Berdasarkan peruntukan dalam Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama, setiap negeri kecuali Perlis harus mengikuti *qawl mu'tamad* mazhab *Shāfi'ī* jika ia membawa kepada *maṣlaḥat* umum. Namun, jika keadaan sebaliknya, maka *qawl mu'tamad* mazhab *Ḥanafī*, *Mālikī*, atau *Ḥanbalī* boleh diikuti (Asni & Sulong,

2017). Sementara itu, di Perlis (Seksyen 7), kawalan terhadap penyeragaman tidak dibuat berdasarkan mazhab yang sempit, tetapi dibuat berdasarkan kepentingan umum dan hal ehwal semasa. Ini bertujuan untuk memastikan fatwa yang dicapai lebih tepat dan *rājih*, serta memastikan Quran dan Sunnah dikekalkan sebagai dua sumber utama dalam mencari pandangan yang selaras dengan *maṣlahat* dalam skop pandangan mazhab yang diiktiraf oleh *ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah* (Asni, 2016).

2. Amalan Semasa Ijtihād Jamā'ī Iqlīmīyy di Malaysia

Sebagai langkah untuk menyelaraskan fatwa, saranan-saranan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan (MJFK) hendaklah diterima pakai di lapan negeri berdasarkan Enakmen. Sementara itu, meskipun Wilayah Persekutuan, Terengganu, dan Kelantan tidak mempunyai Enakmen sedemikian, nasihat dan saranan MJFK tetap diterima pakai oleh mereka. Penubuhan MJFK adalah penting kerana terdapat bidang kuasa berasingan dalam hal ehwal agama di setiap negeri, dan oleh itu, ia memang berbeza antara negeri-negeri. Maka, Kerajaan Persekutuan telah mengambil inisiatif dengan menubuhkan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan (JFK) yang berfungsi sebagai penyelaras fatwa kebangsaan yang bertanggungjawab menangani isu-isu hukum yang berkaitan dengan dasar, program, atau aktiviti (Yaacob, 1998). Anggota Jawatankuasa Fatwa MJFK terdiri daripada seorang pengerusi yang dilantik oleh Majlis Kebangsaan Islam (MKI), Mufti setiap negeri, sembilan sarjana Islam dan profesional yang alim, serta seorang anggota profesion undang-undang yang dilantik oleh Majlis Raja-Raja.

3. Amalan Semasa Ijtihād Jamā'ī Umamīyy di Peringkat Antarabangsa

Amalan semasa ijtihād ini boleh diterokai dengan lebih baik melalui kajian institusi-institusi yang melaksanakannya. Walau bagaimanapun, kerana ini melampaui skop artikel ini, senarai berikut memperincikan beberapa contoh institusi terkenal dan negara-negara di mana mereka beroperasi (atau mempunyai ibu pejabat mereka) (Hasan, 2003):

- i. Mesir: Akademi Penyelidikan Islam (*Majma' al-Buhuth al-Fiqhiyah*), dan Majlis Tertinggi bagi Hal Ehwal Islam (*al-Majlis al-A'la li al-Shu'un al-Islamiyah*).
- ii. Arab Saudi: Organisasi Ulama Besar Arab Saudi (*Hay'at Kibar al-'Ulama' fi al-Mamlakat al-Arabiyat al-Saudiyyah*); Jawatankuasa Tetap bagi Penyelidikan Saintifik dan Fatwa (*al-Lajnat al-Da'imah li al-Buhuth al-'Ilmiyah wa al-Ifta'*); Suruhanjaya Umum bagi Pentadbiran Penyelidikan Saintifik, Ifta' dan Kerja Dakwah serta Pengajaran (*al-Ri'asat al-'Ammah li Idarat al-Buhuth wa al-Ifta' wa al-Da'wah wa al-Irshad*); Akademi Fiqh

Antarabangsa (*Majma' al-Fiqh al-Islami al-Dawli*); dan Akademi Fiqh (*Majma' al-Fiqh al-Islami*).

- iii. Kuwait: Pentadbiran Am untuk Ifta' (Kuwait); Organisasi Islam bagi Penyelidikan Perubatan (*al-Munazzamat al-Islamiyat li al-'Ulum al-Tibbiyah*); Majlis Islam bagi Fatwa dan Penyeliaan Syariah di Institusi Kewangan Kuwait (*Hay'at al-Fatwa wa al-Riqabat al-Shariyah fi Bayt al-Tamwil al-Kuwaiti*); dan Majlis Syariah Antarabangsa untuk Hal Ehwal Berkaitan Zakat di bawah Institusi Zakat di Kuwait (*al-Hay'at al-Shariyat al-'Alamiyat li al-Zakat al-Tabi'at li Bayt al-Zakat fi Dawlat al-Kuwait*).
- iv. Sudan: Lembaga Ifta' Syariah di Sudan (*Majlis al-Ifta' al-Shari fi al-Sudan*) dan Majlis Tertinggi Penyeliaan Syariah bagi Institusi Kewangan dan Perbankan di Sudan (*al-Hay'at al-'Ulya al-Shariyah li al-Jihaz al-Masrafi wa al-Mu'assasat al-Maliyah fi Sudan*).
- v. Pakistan: Majlis Pengajaran Islam di Pakistan (*Majlis al-Fikr al-Islami bi Pakistan*).

4. Dari Ijtihād Fardī ke Ijtihād Jamā'ī: Transisi dalam Proses Fatwa di Era Moden

Institusi fatwa sentiasa penting dan terus mendapat lebih banyak kepentingan dalam tempoh moden ini. Memandangkan sensitiviti tinggi jawatan mufti, umat Islam dari semua peringkat umur sangat berhasrat untuk menetapkan kelayakan dan syarat tertentu yang perlu dipenuhi oleh mereka yang menjawat jawatan ini. Literatur Uṣūl al-Fiqh menyediakan perbincangan standard mengenai kelayakan dan status mufti. Ibn al-Qayyim (w. 751/1350) sampai ke tahap mengenal pasti mufti sebagai "*pewaris para nabi*" dan "*penandatanganan bagi Tuhan Yang Maha Kuasa*". Oleh kerana itu, Ibn al-Qayyim menamakan salah satu karyanya sebagai *I'lām al-Muwaqqi'in 'an Rabb al-'Ālamīn* yang bermaksud *Nasihat untuk Penandatanganan bagi Pihak Tuhan Semesta Alam*. Abū Ishāq al-Shāṭibī menganggap mufti sebagai seorang pembuat undang-undang (*shāri'*), satu gelaran yang biasanya hanya diberikan kepada Nabi (Khalid, t.t). Sebenarnya, penamaan sedemikian boleh diperdebatkan kerana perkara paling tinggi yang boleh didakwa oleh manusia dalam mana-mana masalah hukum tertentu, selepas pencarian yang teliti dan bersungguh-sungguh, adalah kebarangkalian kepercayaan bahawa mereka telah berjaya menemui hukum yang betul (Juwaynī, 1987). Walau bagaimanapun, ini tidak seharusnya menggalakkan individu yang tidak berkelayakan untuk mengisytiharkan diri mereka sebagai mufti. Ulama Islam dengan tegas memberi amaran terhadap mengeluarkan keputusan hukum tanpa kelayakan yang mencukupi.

Al-Qāsimī (1986) mendefinisikan mufti sebagai ialah orang yang mempunyai tiga syarat kelayakan iaitu ijtihād, 'ādil dan tidak mempermudahkan atau memperingan-ringankan dalam menentukan hukum. Secara khususnya, Mufti hendaklah seorang yang arif terhadap sumber hukum iaitu *al-Kitāb*. Perkara yang perlu diketahui daripada *al-Kitāb* pula terdiri daripada ayat-ayat yang berkaitan dengan hukum-hukum halal dan haram. Mufti juga mesti mengetahui hadith-hadith yang diriwayatkan daripada Rasulullah S.A.W yang menjelaskan hukum-hukum syarak. Selain itu, pengetahuan berkenaan wasilah atau jalan yang membolehkan seseorang memahami al-Kitāb dan al-Sunnah seperti makna sebenar dan *majāz*, 'ām dan *khās*, *mujmal* dan *mufaṣṣal*, *muṭlaq* dan *muqaiyyad*, *manṭūq* dan *mafḥūm*, mengetahui kaedah-kaedah bahasa Arab diperlukan oleh seorang mufti. Ilmu berkenaan *nāsikh* dan *mansūkh*, *ijmā'* dan perselisihan pendapat di kalangan salaf, bagaimana kaedah mengasingkan 'illah, mengetahui tertib susunan dalil-dalil syarak dan bentuk tarjih mestilah dikuasai sepenuhnya oleh seorang mufti (al-Qasimi, 1986).

Sementara itu, al-Asnawi (t.t) pula menjelaskan bahawa mufti hendaklah seorang mujtahid sama ada mujtahid mutlak, mujtahid mazhab atau mujtahid fatwa. Mujtahid mutlak ialah mereka yang memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh ulama' uṣūl al-fiqh iaitu hendaklah menguasai ayat-ayat al-Quran dan al-Sunnah yang berkaitan dengan hukum-hukum syarak, menguasai ilmu-ilmu yang berkaitan dengan al-Quran seperti 'Ulum al-Quran, 'Ulum al-Hadith dan Bahasa Arab. Manakala Mujtahid mazhab pula ialah mereka yang berupaya mentarjih dan menghuraikan nas-nas syarak yang dikemukakan oleh imam mereka. Mujtahid mazhab tidak menggunakan fatwa yang sedia ada di sisi imam mereka, sebaliknya mereka mengeluarkan fatwa melalui proses dan penelitian yang mereka lakukan sendiri dengan berpandukan nas-nas dan kaedah-kaedah yang telah ditetapkan oleh imamnya. Mujtahid ini hendaklah mengetahui apakah sumber yang digunakan oleh imamnya dalam mengeluarkan fatwa. Sekiranya sumber itu merupakan hadith maka dia mesti mengetahui sanad dan riwayatnya. Sekiranya sumber itu merupakan qiyas maka apakah 'illah dan halangan-halangan yang boleh membatalkan proses qiyas tersebut. Mujtahid kategori ini ialah seperti Imam Abu Yusuf dalam Mazhab Hanafi dan Imam Al-Rafi'i dalam Mazhab Shafi'i. Manakala mujtahid fatwa pula ialah mereka yang mahir dalam mazhab imam mereka serta berupaya mentarjihkan mana-mana pendapat imam tersebut tetapi tidak berupaya mengeluarkan pendapat sendiri (Kasan & Jamal, 2003).

Pada zaman sekarang, cabaran yang dihadapi oleh para mufti dalam menguasai segenap bidang ilmu seperti ulum *Quran*, ulum *Hadith*, dan lain-lain semakin ketara. Bidang ulum *Hadith* sahaja terpecah kepada pelbagai cabang seperti ilmu *rijal*, ilmu *takhrij*, dan ilmu *dirayah*, yang memerlukan

kepakaran mendalam. Ketidakmampuan seorang mufti untuk menguasai semua bidang ini menekankan perlunya ijtihād *jamā'ī*, di mana kumpulan pakar dalam berbagai disiplin dapat bekerjasama untuk menghasilkan fatwa yang lebih komprehensif dan sahih. Menurut sarjana kontemporari, keperluan ini menjadi semakin mendesak dalam dunia global yang kompleks hari ini, di mana persoalan fiqh sering kali memerlukan pengetahuan interdisipliner yang mendalam.

Namun, tidak semua sarjana bersetuju dengan nilai ijtihād *jamā'ī*. Sesetengah sarjana tradisional berhujah bahawa proses ijtihād secara asasnya adalah individu dan tidak boleh ditiru oleh sekumpulan pakar (Mahmoud, 2007). Selain itu, beberapa sarjana telah menyuarakan kebimbangan mengenai kemungkinan proses ijtihād *jamā'ī* dipolitikkan, serta kemungkinan manipulasi proses tersebut oleh kepentingan politik atau ideologi (Esposito, t.t).

5. Keperluan Penubuhan Unit-unit Buhuth dalam Institusi Fatwa

Dalam menghadapi cabaran isu-isu kontemporari yang semakin kompleks, penubuhan unit-unit buhuth dalam institusi fatwa menjadi keperluan mendesak. Keterbatasan ijtihād individu, yang sering terikat kepada perspektif tunggal dan skop ilmu tertentu, menjadikan pendekatan kolektif melalui ijtihād *jamā'ī* lebih relevan. Unit-unit buhuth berfungsi sebagai platform kajian interdisiplin yang mengintegrasikan pelbagai bidang ilmu, memastikan keputusan fatwa lebih komprehensif dan sesuai dengan keperluan masyarakat moden. Langkah ini bukan sahaja memperkukuh kualiti fatwa, tetapi juga memastikan institusi fatwa kekal relevan dalam memenuhi tuntutan global yang dinamik.

Memandangkan batasan-batasan ini, beberapa ulama telah berhujah mengenai keperluan untuk ijtihād *jamā'ī*. Ijtihād *jamā'ī* melibatkan sekumpulan individu yang berkelayakan berkumpul untuk melibatkan diri dalam pemikiran bebas dan mencapai konsensus mengenai isu tertentu. Proses ini boleh membantu memastikan pendekatan yang lebih komprehensif dan inklusif terhadap undang-undang dan perundangan Islam, kerana ia mengambil kira perspektif dan pengalaman pelbagai ahli kumpulan. Sebagai contoh, *Asma Barlas* berhujah dalam bukunya, "*Believing Women in Islam: Unreading Patriarchal Interpretations of the Qur'an*", bahawa ijtihād individu boleh dibatasi oleh bias patriarki, dan bahawa ijtihād *jamā'ī* diperlukan untuk mencabar bias ini dan mencapai tafsiran ajaran Islam yang lebih adil dan saksama. Dia menyatakan, "*Ijtihād jamā'ī membolehkan proses pemikiran yang lebih demokratik dan inklusif, di mana suara dan pengalaman kumpulan yang terpinggir boleh diambil kira*" (Barlās, 2002). Begitu juga, *Tariq Ramadan*, dalam bukunya, "*The Messenger: The Meanings of the Life of Muhammad*", menekankan batasan ijtihād individu dan berhujah mengenai keperluan untuk

ijtihad *jamā'ī* dalam era kontemporari. Dia menyatakan, "Dalam dunia yang kompleks dan berubah dengan pantas, tidak lagi mencukupi bagi ulama individu untuk terlibat dalam ijtihad. Kita memerlukan proses pemikiran bebas secara kolektif yang mengambil kira keperluan dan perspektif masyarakat yang pelbagai" (Tāriq, 2010).

Oleh itu, tindakan Malaysia menubuhkan keahlian jawatankuasa fatwa di negeri-negeri adalah tindakan yang tepat bagi membentuk proses kolektif

tersebut selaras dengan Perlembagaan Malaysia Jadual Kesembilan. Menurut Perlembagaan Malaysia Jadual Kesembilan, kuasa agama adalah milik Kerajaan Negeri termasuk perkara-perkara berhubung dengan hukum syarak dan pengeluaran fatwa (Kamarudin Ahmad, 2002).

Jadual 2 di bawah menunjukkan proses kolektif yang berlaku hasil daripada penubuhan keahlian jawatankuasa fatwa di negeri-negeri:

Negeri	Bilangan	Ahli Jawatankuasa Fatwa
Perlis	8 orang	Mufti, Timbalan Mufti, enam orang Ahli Sunnah Wal Jama'ah yang terdiri daripada tiga orang anggota Majlis dan seorang pegawai Jabatan Mufti sebagai setiausaha.
Pulau Pinang	7 orang hingga 12 orang	Mufti, Timbalan Mufti, dua orang anggota Majlis, tidak kurang daripada dua orang dan tidak lebih daripada tujuh orang yang dilantik oleh Mufti dan seorang pegawai dari Jabatan Mufti sebagai setiausaha.
Kedah	7 orang hingga 11 orang	Mufti, Timbalan Mufti, tiga orang anggota Majlis dan tidak kurang daripada dua atau lebih daripada enam orang yang dilantik oleh Sultan atas nasihat Mufti.
Perak	8 orang hingga 11 orang	Mufti, Timbalan Mufti, dua orang ahli Majlis yang arif mengenai hukum syarak, seorang pegawai dari Jabatan Agama Islam Perak dan sekurang-kurangnya dua orang tetapi tidak lebih daripada lima orang daripada alim ulama yang mahir dalam hukum syarak dan seorang pegawai daripada Jabatan Mufti yang dilantik oleh Majlis sebagai setiausaha.
Selangor	8 orang hingga 14 orang	Mufti, Timbalan Mufti, Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor, dua orang anggota Majlis, seorang pegawai dari Jabatan Agama Islam Selangor yang mahir dalam Hukum Syarak, tidak kurang daripada dua orang dan tidak lebih daripada tujuh orang yang dilantik oleh Majlis dan seorang pegawai dari Jabatan Mufti sebagai setiausaha.
Negeri Sembilan	8 orang hingga 14 orang	Mufti, Timbalan Mufti, dua orang anggota Majlis, seorang Pegawai Hal Ehwal Agama Islam yang dilantik oleh Majlis, tidak kurang daripada dua orang dan tidak lebih daripada lapan orang yang dilantik oleh Majlis dan seorang pegawai daripada Jabatan Mufti sebagai setiausaha.
Melaka	7 orang hingga 12 orang	Mufti, Timbalan Mufti, dua orang ahli Majlis, tidak kurang daripada dua orang dan tidak lebih daripada tujuh orang yang dilantik oleh Majlis dan seorang pegawai daripada Jabatan Mufti sebagai setiausaha yang dilantik oleh Majlis.
Johor	7 orang hingga 11 orang	Mufti, Timbalan Mufti, dua orang ahli Majlis, tidak kurang daripada dua orang dan tidak lebih daripada lima orang yang dilantik oleh Majlis dan seorang pegawai daripada Jabatan Mufti sebagai setiausaha yang dilantik oleh Majlis.
Pahang	6 orang hingga 10 orang	Mufti, dua orang ahli Majlis, seorang pegawai daripada Jabatan Agama Islam Pahang yang dilantik oleh Majlis dan sekurang-kurangnya dua orang, tidak lebih daripada enam orang yang dilantik oleh Majlis.
Terengganu	8 orang hingga 10 orang	Mufti, Timbalan Mufti, dua orang anggota Majlis, tidak kurang daripada tiga orang dan tidak lebih daripada lima orang yang dilantik oleh Majlis dan seorang pegawai dari Jabatan Mufti yang dilantik oleh Majlis.
Kelantan	10 orang hingga 17 orang	Mufti, Timbalan Mufti dan tidak kurang daripada lapan orang tetapi tidak lebih daripada lima belas orang ahli.
Sabah	8 orang hingga 12 orang	Mufti, Timbalan Mufti, dua orang anggota Majlis, tidak kurang daripada tiga orang dan tidak lebih daripada tujuh orang yang dilantik oleh Majlis dan seorang pegawai dari Pejabat Mufti yang dilantik oleh Majlis.
Sarawak	5 orang hingga 9 orang	Mufti dan tidak kurang daripada empat orang dan tidak lebih daripada lapan orang anggota yang diterima oleh Majlis.

Jadual 2: Keahlian Jawatankuasa Fatwa di Negeri-Negeri (Adnin & rakan-rakan, 2019)

Justeru, penting untuk mengembalikan segala permasalahan yang timbul kepada pakar-pakar yang dilantik dalam ahli jawatankuasa fatwa negeri-negeri dengan mengambil kira beberapa perkara:

a. Keperluan Ulama Untuk Mengambil Kenyataan Pakar Dalam Bidang Ijtihad: Pendapat Nasihat Dan Kehakiman

Proses ijtihad dalam konteks kontemporari memerlukan penglibatan pakar untuk memastikan ketepatan hukum yang dikeluarkan. Dalam istilah

syarak, ini disebut sebagai *al-ruju' ila ahl al-khibrah* (merujuk kepada ahli kepakaran) di mana pandangan mereka menjadi asas dalam memahami *tashawwur al-mas'alah* (gambaran sebenar sesuatu isu). Ulama tidak hanya bertindak sebagai *mujtahid* yang memahami nas tetapi juga sebagai pengelola hukum yang bergantung kepada *ahl al-khibrah* untuk menjelaskan aspek-aspek teknikal seperti isu perubatan dalam hukum transplantasi organ atau sains dalam fatwa berkaitan perubahan iklim. Tradisi ini selaras dengan prinsip *hukm 'ala syai'in far'un 'an tasawwurihi* yang menekankan bahawa keputusan hukum mesti berdasarkan pemahaman lengkap terhadap realiti sesuatu perkara. Pendekatan ini mengukuhkan relevansi fatwa dan kehakiman dengan cabaran global masa kini menjadikannya lebih inklusif dan efektif.

Atas sebab ini, kita mendapati dalam buku para fuqaha dan hakim banyak contoh di mana mufti dan hakim menggunakan pendapat orang yang berpengalaman, dan saya menyebut beberapa model yang menunjukkan pengembalian ulama (sama ada mufti atau hakim) kepada pendapat orang yang berpengalaman: Al-Nawawi (t.t) menyatakan dalam *Rawdat Al-Talibin*: "*Jika penyakit muncul, dan tidak diketahui sama ada ia menakutkan atau tidak, maka ada keperluan untuk merujuk kepada orang yang berpengalaman, sains dan perubatan*". Al-Shirazi (t.t) menyebut dalam *Al-Muhadhdhab*: "*Isu menguburkan mayat dalam kubur lama, mereka berkata: Seorang mati tidak dikuburkan dalam kubur di mana yang lain mati sehingga tubuh mayat pertama hancur, dan itu disebabkan oleh pengetahuan orang yang berpengalaman tentang sifat bumi...*" Ibn Qudamah (t.t) berkata: "*Jika berlaku perbezaan dalam menggambarkan kecacatan yang diperlukan untuk pembatalan perkahwinan, adakah ia kecacatan yang memerlukan pembatalan atau tidak, maka rujuklah kepada orang yang berjurusan*".

Seperti yang telah disebutkan sebelumnya, mufti atau hakim tidak boleh berjaya dalam fatwa dan menghakimi kebenaran dan keadilan, kecuali selepas mereka memahami realiti dan fakta isu-isu dan bencana ini, serta menghilangkan kekaburan, penyembunyian, dan kekeliruan daripada butiran tersebut. Oleh itu, kenyataan pakar tentang perkembangan dan perdebatan fiqh dan doktrin adalah sangat penting dalam menggambarkan realiti dengan tepat dan lengkap kepada Mufti dan hakim sebelum mereka memberikan hukum syariah yang betul dalam perdebatan dan perkembangan yang berada di tangan mereka.

b. Kawalan Yang Perlu Diperhatikan Oleh Mujtahid Apabila Mengambil Pandangan Pakar

Walaupun kita mengakui kepentingan dan keperluan untuk kembali dan meminta bantuan pakar dalam isu dan bencana yang dihadapi oleh ulama (mufti atau hakim), ulama mesti, sebelum mengambil kenyataan yang dikeluarkan oleh pakar-pakar ini, menetapkan fikirannya dalam satu set kawalan yang mengawal dan

mengatur penggunaan orang-orang berpengalaman. Tidak semua pandangan atau ucapan yang dikeluarkan oleh mereka adalah diterima, pasti, dan betul, serta tidak dapat diterima sebagai hujah, tetapi terdapat beberapa kriteria yang perlu dipatuhi oleh ulama apabila mereka perlu merujuk kepada pendapat pakar dalam mana-mana bencana atau isu, dan tanpa kawalan ini mungkin ia membuka pintu yang luas bagi minda bermasalah dan orang jahat. Antara kawalan yang paling penting adalah seperti berikut:


- i. Pendapat dan laporan pakar tidak boleh bertentangan dengan teks-teks syariah yang mutlak dari segi bukti dan makna atau tujuan-tujuan pensyariahan; Jika pendapat pakar melanggar salah satu prinsip asas undang-undang syariah, atau melanggar suatu kaedah yang tetap di dalamnya, atau bertentangan dengan teks undang-undang yang pasti, atau bertentangan dengan salah satu tujuan utama pensyariahan, maka pendapat tersebut mesti diabaikan dan dibatalkan walau bagaimana pun ia tersebar dan diterima umum, kerana pendapat pakar yang melanggar undang-undang adalah satu pelanggaran mutlak yang tidak dipertimbangkan. Sebagai contoh, jika ada yang mengatakan bahawa menjual arak dibolehkan demi kepentingan ekonomi negara untuk menarik pelancongan, dan membenarkan riba untuk merangsang pergerakan ekonomi, kenyataan ini bercanggah dan bertentangan dengan teks-teks undang-undang yang pasti dalam bidang ini, maka tidak ada pertimbangan untuk kenyataan ini tanpa mengira sumber atau orang yang mengatakannya (Massarwh, 2024).
- ii. Pendapat pakar mestilah pasti atau hampir kepada kepastian mengenai bencana yang menjadi subjek ijthād; Kawalan ini bermaksud bahawa para ulama yang mengambil beberapa keputusan berdasarkan ilmu dan pengalaman yang ada pada zaman mereka, tetapi jika keadaan berubah dan cara-cara ilmu berkembang, dan sains mencapai hasil yang pasti atau hampir pasti di mana tidak ada keraguan, dan hasil-hasil ini bertentangan dengan apa yang diketahui sebelum ini, maka keputusan-keputusan ini perlu dikaji semula berdasarkan kepastian hasil-hasil yang terbukti dari kenyataan saintifik dan data mereka, untuk mencapai tujuan pensyariahan, dan mengambil kira kepentingan yang dipertimbangkan dalam realiti kehidupan yang berkenaan. Ini kerana, mengabaikan ilmu kontemporari, penemuan saintifik, dan peminggiran mereka dari ketetapan syariah, akan menyebabkan kerosakan dan kesulitan kepada yang berkenaan, sedangkan syariah datang untuk mengangkat kerosakan dan menghapuskan kesulitan.

Tidak ada bukti yang lebih baik daripada isu menentukan tempoh maksimum kehamilan oleh ulama moden, begitu juga dengan penentuan hakim kontemporari untuk tempoh masa di mana

isteri kepada suami yang pergi meninggalkan rumah menunggu sebelum kematiannya, dan baki ketetapan undang-undang diatur berdasarkan keputusan hakim dalam hal ini. Oleh itu, adalah tidak munasabah untuk meninggalkan dan mengabaikan data saintifik, dan teknologi yang tersedia, yang membantu dalam mendedahkan nasib mereka yang pergi meninggalkan rumah; kita berpegang kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh para ulama terhormat kita - ketetapan ini tidak mempunyai teks yang tepat untuk mengawalinya - yang mana ia sendiri adalah subjek perselisihan yang meluas antara ulama terdahulu, untuk membina berdasarkan data dan mekanisme pengetahuan yang ada pada zaman mereka (Massarwh, 2024).

6. Parameter Pelaksanaan Ijtihād Jamā'ī dalam Institusi Fatwa

Pada dasarnya, ijtihād *jamā'ī* adalah suatu amalan mengeluarkan fatwa, maka ia perlu memenuhi metodologi untuk ijtihād, iaitu *al-taṣwīr*, *al-takyif*, *bayān al-ḥukm* dan *al-iftā'* (Jum'ah, 2008). Selain itu, ia mesti dilengkapi dengan *al-mushawarah* sebagai rukun pelaksanaan ijtihād *jamā'ī* untuk membezakannya daripada ijtihād individu (Al-Komaiti, 2021). Semua institusi, organisasi dan jawatankuasa yang melaksanakan ijtihād *jamā'ī* perlu mematuhi metodologi yang merangkumi lima peringkat.



Rajah 1: Parameter Pelaksanaan Ijtihad *Jama'i* dalam Institusi Fatwa (Jum'ah, 2008; Al-Komaiti, 2021)

a. *Al-Taṣwīr* (Gambaran)

Al-taṣwīr adalah peringkat memperoleh gambaran yang jelas dan menyeluruh, pengetahuan dan pemahaman tentang suatu masalah (Abdul Latif, 2010). Peringkat ini berkait rapat dengan pengeluaran fatwa kerana fatwa dikeluarkan berdasarkan pengisytiharan tentang sifat masalah, ciri-cirinya, dan petunjuk-petunjuk (al-Hanbali, 1997; al-Rasini, 2021). Menurut Muhammad al-Husain (2010) dan Mahmud Al-Banna (2010), empat kriteria mesti dipenuhi pada peringkat *al-taṣwīr* (Muhammad al-Husain, 2010; Mahmud Al-Banna, 2010):

- i. Mendapatkan maklumat terperinci mengenai masalah yang perlu diselesaikan.

- ii. Mengemukakan soalan kepada pakar untuk memperdalam dan memperluas pemahaman mengenai latar belakang isu yang dihadapi.
- iii. Memahami terminologi yang digunakan.
- iv. Menyelidiki makna apa yang cuba disampaikan oleh *mustaffi* apabila terdapat kekeliruan dan ketidakjelasan dalam situasi yang diberikan.

Dalam konteks pelaksanaannya melalui ijtihād *jamā'ī*, *al-taṣwīr* dilakukan pada peringkat penyediaan kertas kerja sebelum sesuatu isu dibincangkan dan diselesaikan. Kaedah mendapatkan gambaran melalui penyediaan kertas kerja mungkin berbeza antara satu pihak berkuasa dengan yang lain. Di Bank Negara Malaysia, sebelum membentangkan kertas kepada Majlis Penasihat Syariah, pihak yang merujuk mesti menyediakan cadangan yang menggariskan latar belakang isu yang dirujuk, serta struktur atau instrumen yang dicadangkan (Mustafa & Ab Rahman, 2021). Bagi Akademi Fiqh Antarabangsa, kertas kerja disediakan oleh sekumpulan ahli akademi yang ditentukan berdasarkan kepakaran mereka untuk meneroka, memeriksa, dan mengkaji semua elemen subjek bagi mendapatkan gambaran yang tepat sebelum membentangkannya (Idris Migha, 1996). Manakala, penyediaan kertas mengenai mana-mana isu ekonomi, sosial, dan sistem awam di Organisasi Ulama Besar (*Hai'ah Kibar al-'Ulama'*) di Riyadh akan melibatkan seorang atau dua pakar bukan bidang syariah. Ia juga dibantu oleh unit khas di bawah Organisasi Ulama Besar, iaitu *al-lajnah al-dā'imah li al-buḥūth al-'ilmiyyah wa al-iftā'* (Muhammad al-Mutlaq, 1996). Di Institusi Kewangan Kuwait, peringkat penyediaan maklumat dan butiran untuk gambaran dilakukan oleh wakil dari unit yang mengemukakan soalan. Ini kerana fungsi ijtihād *jamā'ī* yang dilaksanakan di Institusi Kewangan Kuwait adalah untuk menangani masalah dalaman institusi yang melibatkan pematuhan syariah dalam operasinya (al-Mazkur, 1996).

b. *Al-Takyif* (Penyesuaian)

Al-takyif adalah peringkat menyesuaikan masalah yang timbul dengan masalah yang telah ditangani oleh para ulama (Jum'ah, 2008). *Mu'jam Lughah al-Fuqaha'* mendefinisikan *al-takyif al-fiqhi* dengan tepat, iaitu penyelesaian isu dengan menyatakan hubungannya dengan sumber berwibawa (Qal'aji, 2013). Oleh itu, peringkat ini adalah menyesuaikan masalah dengan teks-teks Syariah yang sedia ada (al-Quran, al-Sunnah, dan ijma'), prinsip-prinsip umum hukum fiqh, maqasid Syariah, serta teks dan pendapat faqih terdahulu (Shabir, 2014). Menurut Muhammad al-Qahtani (2000), tiga garis panduan mesti diikuti semasa *al-takyif*, iaitu:

- i. *Al-takyif* berdasarkan pandangan yang sah dan berwibawa, serta sumber-sumber Syariah, bukan hawa nafsu.
- ii. *Al-takyif* mesti dilakukan selepas mendapatkan gambaran yang menyeluruh

tentang masalah yang perlu diselesaikan, yang dilakukan selepas *al-taṣwir*.

- iii. *Al-takyif* mesti dilakukan oleh mujtahid yang berkelayakan dengan pengetahuan fiqh yang sesuai untuk menyesuaikan cabang masalah (*furu'*) dengan sumber yang disediakan oleh Syariah.

Menurut garis panduan kedua al-Qahtani, peringkat *al-takyif*, iaitu proses menyesuaikan dengan bukti Syariah, sama ada utama atau sekunder, serta prinsip-prinsip umum fiqh, maqasid Syariah atau pendapat para ulama, dilakukan selepas memperoleh gambaran menyeluruh mengenai subjek yang ingin diselesaikan oleh para ulama dalam kertas kerja. Sebagai contoh, kertas kerja yang akan dibentangkan di Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia mesti melaksanakan *al-takyif* dengan mempertimbangkan pandangan ulama mengenai prinsip yang dicadangkan dan rujukan Syariah, serta penerangan mengenai perkara yang dirujuk. Kertas tersebut juga mesti merangkumi isu-isu Syariah yang timbul, penyesuaian fiqh terhadapnya, fatwa-fatwa semasa yang relevan, pandangan terperinci, dan cadangan yang dibuat oleh Jawatankuasa Syariah, serta rujukan yang digunakan (Mustafa & Ab Rahman, 2021).

Tambahan pula, Institusi Kewangan Kuwait menyediakan beberapa garis panduan untuk menggabungkan *al-takyif* dalam proses pembuatan keputusan fatwa (al-Mazkur, 1996):

(Lampiran A) *Al-takyif* harus dibina berdasarkan sumber al-Quran dan al-Sunnah.

(Lampiran B) Jika isu yang dibincangkan adalah kontemporari dan para ulama terdahulu berselisih pendapat (*khilaf*) mengenainya, tetapi mereka masih bergantung pada hujah yang serupa antara satu sama lain, maka fatwa harus berdasarkan keputusan yang menyelesaikan masalah dengan lebih efektif dan memudahkan orang ramai (*maslahah*).

(Lampiran C) Jika isu tersebut tidak pernah dibincangkan oleh para ulama terdahulu, fatwa harus dikeluarkan berdasarkan kaedah umum Syariah untuk mencapai *maslahah*, menghindari kerosakan atau kejahatan yang diutamakan daripada manfaat.

(Lampiran D) Pengeluaran fatwa mesti menghormati fatwa terdahulu yang dikeluarkan oleh mana-mana pihak berkuasa fatwa lain.

(Lampiran E) Pengeluaran fatwa tidak terikat oleh resolusi majlis penasihat Syariah institusi kewangan lain, tetapi tidak menjadi masalah untuk merujuk dan melihat resolusi yang telah diputuskan bagi tujuan memperluas cara pemahaman.

- c. *Al-Mushawarah* (Perbincangan)

Menurut Ibn al-'Arabi (2003), *al-mushawarah* adalah perbincangan yang dijalankan dalam satu perhimpunan untuk memberikan keputusan muktamad mengenai suatu isu, dengan setiap ahli

mengambil bahagian dengan membawa apa yang ada dalam diri mereka. Ini adalah peringkat terpenting dalam ijtihād *jamā'ī* kerana ia tidak dianggap sebagai ijtihād kolektif walaupun sekumpulan ulama bersetuju tentang apa-apa tanpa *al-mushawarah* atau perbincangan antara satu sama lain sebagai sebahagian daripada proses pengeluaran fatwa (Al-Komaiti, 2021). Pada masa kini, *al-mushawarah* dijalankan dalam dua cara:

- i. *Al-mushawarah* oleh sekumpulan pakar yang mempunyai kecekapan untuk melaksanakan ijtihād dalam bidang kepakaran khusus atau ijtihād *juz'i*. Sebagai contoh, kemampuan kolektif pakar dalam bidang muamalat dan sub-bidangnya. Ini merujuk kepada pakar yang mempunyai semua keupayaan ijtihād, termasuk kapasiti untuk menyimpulkan hukum dan mempunyai pengetahuan mendalam dalam bidang atau sub-bidang masing-masing, yang kemudiannya mereka kumpulkan bersama untuk mewujudkan ijtihād kolektif (Hamid, t.t.; al-Qardāwī, 1996; al-Miftah, 2011). Sebagai contoh, *al-mushawarah* di Majlis Penasihat Syariah mana-mana institusi kewangan Islam melibatkan pakar dalam bidang ekonomi, kewangan Islam, dan perbankan.
- ii. *Al-mushawarah* oleh sekumpulan pakar yang saling melengkapi dalam bidang ijtihād dan fiqh, seperti pakar hadith, pakar tafsir, pakar bahasa Arab, pakar usul fiqh dan disiplin fiqh lain. Sebagai contoh, *al-mushawarah* di Akademi Fiqh Antarabangsa berlaku apabila ahli yang ditugaskan atau dilantik yang mempunyai kepakaran dari pelbagai latar belakang Syariah berkumpul untuk membincangkan secara mendalam perkara yang dibincangkan (Idris Migha, 1996). Selepas itu, beberapa perbincangan mungkin turut melibatkan pakar bukan Syariah seperti pakar dalam bidang sains, perubatan, ekonomi, dan disiplin lain. Penglibatan pakar bukan Syariah adalah untuk menjawab isu-isu yang berkaitan dengan kepakaran mereka untuk mencapai keputusan yang paling kontekstual (Muhammad Ismail, 1998; al-Syarafi, t.t.; al-Zarqa', 1985; Kurdum, 2012).

- d. *Bayan al-Hukm* (Penjelasan Hukum)

Selepas keputusan Syariah dibuat secara kolektif melalui *al-mushawarah*, keputusan Syariah berdasarkan prinsip-prinsip Syariah yang dipersetujui dijelaskan. Prosedur penjelasan ini dikenali sebagai *bayan al-hukm*. Menurut Jum'ah (2008), peringkat *bayan al-hukm* adalah peringkat di mana *khitāb* Allah dijelaskan dengan sumber-sumber berwibawa sebagai bukti untuk isu-isu yang diselesaikan.

- e. *Al-Ifta'* (Pengeluaran Fatwa)

Al-Ifta' adalah peringkat pemberitahuan dan pemakluman keputusan hukum Syariah, sama ada ia

wajib, haram, dibenarkan atau apa-apa keputusan lain yang telah dikeluarkan (Jum'ah, 2008). *Al-Ifta'* memberikan panduan kepada penanya; sama ada individu (*mustafti*), hakim (*qadi*), pihak berkuasa kerajaan, atau badan korporat, dan penyebarannya mendidik, memaklumkan, dan membimbing orang lain (Black & Hosen, 2009). Peringkat pengumuman fatwa ini menggunakan pelbagai platform, sama ada bercetak atau elektronik (Mohd Alwi, 2006). Jurnal, buku, laman web, laporan, dan penerbitan lain digunakan oleh pihak berkuasa fatwa sebagai sumber maklumat dan rujukan untuk *mustafti*. Sebagai contoh, keputusan Syariah yang dibuat oleh ahli-ahli Akademi Fiqh Antarabangsa diterbitkan dalam Jurnal Akademi Fiqh (*Majallah Majma' al-Fiqh al-Islamiy*). Jurnal ini terdiri daripada penyelidikan dan kertas kerja yang dibentangkan oleh ahli akademi, perdebatan dan perbincangan mereka semasa persidangan berkaitan isu yang dibentangkan, termasuk resolusi dan cadangan yang dibuat untuk isu yang dibincangkan. Oleh itu, Jurnal Akademi Fiqh bukan sahaja menyampaikan keputusan yang dipersetujui (*Al-Ifta'*), tetapi juga menjelaskan prinsip-prinsip Syariah yang menjadi asas kepada keputusan yang dipilih (*Bayan al-hukm*). Jurnal ini telah diterbitkan dan diedarkan kepada banyak institusi dan individu, serta diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris, Perancis, Urdu, Turki, dan bahasa lain untuk memberi manfaat kepada orang ramai secara keseluruhan (Idris Migha, 1996).

Sebaliknya, keputusan fatwa Jawatankuasa Fatwa Kuwait adalah deposit rasmi yang direkodkan oleh pentadbir fatwa dan tidak diterbitkan untuk rujukan awam kecuali jika diminta (al-Mazkur, 1996). Sementara itu, resolusi fatwa di Institusi Kewangan Kuwait diedarkan kepada semua jabatan dan unit dalam institusi yang terlibat kerana ia mungkin membawa kepada penyesuaian dalam operasi tertentu (al-Mazkur, 1996).

KESIMPULAN

Artikel ini menekankan pentingnya *ijtihad jamā'ī* dalam menyelesaikan isu-isu kontemporari yang kompleks dan dinamik. Melalui pendekatan kolektif *ijtihad jamā'ī* melibatkan kerjasama antara pakar dari pelbagai bidang untuk memastikan keputusan yang lebih holistik dan relevan. Proses ini juga memperkuat amalan *shūrā*, di mana perundingan dan perbincangan bersama menjadi kunci dalam menghasilkan fatwa yang memenuhi keperluan semasa. Dengan integrasi pandangan pakar bukan fiqh dan ahli hukum, *ijtihad jamā'ī* menyediakan solusi yang lebih komprehensif dan kontekstual, yang mencerminkan realiti moden serta mengukuhkan peranan institusi fatwa sebagai penentu hukum yang berwibawa.

RUJUKAN

- 'Abd Allah al-Zubayr, *Al-Ijtihād al-Jamā'ī: Ususuḥu wa Dawābiṭuh* (Sudan: Hay'at al-'A'māl al-Fikrīyah, 2009).
- 'Abd al-Majid al-Sharafi, *Al-Ijtihād al-Jamā'ī fī al-Tashrī' al-Islāmī* (Doha: Ministry of Awqaf and Islamic Affairs, 1st edn., 1418 AH), pp. 77–8.
- 'Abd al-Nasir Tawfiq 'Attar, "Al-Ta'rīf bi al-Ijtihād al-Jamā'ī," *Conference on al-Ijtihād al-Jamā'ī fī al-'Ālam al-Islāmī*.
- Adnin & rakan-rakan. (2019). Pelaksanaan Ijtihad Kolektif Di Malaysia. *Asian People Journal* 2019, VOL 2(2), 58-69.
- Aḥmad ibn Muḥammad al-Fayyūmī, *Al-Miṣbāḥ al-Munīr fī Gharīb al-Sharḥ al-Kabīr* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah).
- al-Asnawi. (tt). *Nihayat al-sul fī 'ilmu al-usul*. Kaherah :Jam'iyah Nayral-Kutub al-Arabiah.
- Asni, F. A. H. M. (2016). *Fatwa Tentang Pindah Milik Harta: Kajian Terhadap Penyeragamannya Di Malaysia*. M.A Dissertasion. School of Humanities. USM.
- Asni, M. F. A. H. M., & Sulong, J. (2016). Fatwa Berhubung Wasiat Wajibah Dan Keseragaman Peruntutannya Dalam Fatwa Negeri-Negeri Di Malaysia. *Al-Qanātir International Journal of Islamic Studies*, 5(1), 1-15.
- Asni, M. F. A. H. M., & Sulong, J. (2017). Fatwa Coordination Between States: Analysis Of The Practices Of Standardization And Its Method In Malaysia (Article in Malay). *Journal of Fatwa Management and Research*, 9(1).
- al-Banna, Muhammad Abdul Latif Mahmud. (2010). *Taṣwīr al-Nāzilah Dirāsah Fiqhiyyah Taṭbīqiyyah*. Wizārat al-Ta'lim al-'Āli, Riyadh.
- Barlās, A., *Believing Women in Islam: Unreading Patriarchal Interpretations of the Quran*, (Texas: University of Texas Press, 2002).
- Black, A., & Hosen, N. (2009). Fatwas: Their Role in Contemporary Secular Australia. *Griffith law review* 18: 405-427.
- Esposito, J. L., What everyone needs to know about Islam.
- Hamid, S.A. (n.d.) *Al-Ijtihād al-Jamā'ī wa Aḥammiyatuh fī Nawāzil al-'Aṣr*. Dibentangkan di Muktamar al-Fatwā wa Dawābiṭuha. 16 January 2009, Makkah.
- al-Hanbali, Muhammad bin Ahmad. (1997). *Sharah Kawkab al-Munir*. Maktabah al-'Ubkān, Riyadh.
- Hasan, A. (2003). An introduction to collective *ijtihad* (*ijtihad jama'i*): concept and applications. *American Journal of Islam and Society*, 20(2), 26-49.
- Hasan, A. (2003). An introduction to collective *ijtihad* (*ijtihad jama'i*): concept and applications. *American Journal of Islam and Society*, 20(2), 26-49.
- al-Husain, Abdul Salam Muhammad. (2010). *Taṣwīr al-Nāzilah wa Atharuhu fī Bayān Hukmiha*. n.p.
- Husnul Fatarib (2007). *Ijtihad Individual dan Kolektif: Solusi Metodologis Persoalan Hukum Islam Kontemporer*. TAPIS, 7(1), 1-14.
- Ibn al-'Arabi. (2003) *Aḥkām al-Qur'ān*. Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, Beirut.
- Ibn Qudamah al-Maqdisi, Abdullah bin Ahmad (1388). *The Enricher of Ibn Qudama*. Cairo Library.
- Idris Migha, A. (1996). *Majma' al-Fiqh al-Islāmī al-Duwalī Namūzaj lil Ijtihād al-Jamā'ī*. Dibentangkan di *Persidangan al-Ijtihād al-Jamā'ī fī al-'Ālam al-Islāmīy*. 21-23 Disember 1996, United Arab Emirates.

- al-Ijtihād al-Jamā'ī fī al-'Ālam al-Islāmī* (al-Ain, UAE: United Arab Emirates University, 1996), organized by Faculty of Sharī'a and Law.
- Jum'ah, Ali. (2008). al-Iftā' wa Haqīqatuh wa Ādābuh wa Marāḥiluh. Dibentangkan di *Muktamar al-Fatwa wa Dawābiḥu*, 16 Januari 2009, Makkah.
- al-Juwaynī, *Al-Ijtihād min Kitāb al-Talkhīs*, ed. 'Abd al-Hamid 'Ali Abu Zunayd (Damascus: Dār al-Qalam; Beirut: Dārat al-'Ulūm wa al-Thaqāfah, 1987).
- Kamarudin Ahmad. (2002). Pembentukan Fatwa di Negeri Kedah. *Jurnal Pembangunan Sosial*. 4&5, 129-139.
- Kasan, H. & Jamal, J. 2003. Fatwa dalam Perundangan Islam dan Fungsinya Menangani Keperluan Hukum Semasa Menurut Siasah al-Syar'iyah. *Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat*. Vol 7. P 89-111.
- Kasan, H. (2016). *Institusi Fatwa Dalam Perundangan Negara: Satu. Penilaian Menurut Siasah Syar'iyah*. *Journal of Contemporary Islamic Law*, 1(1), 3764.
- al-Komaiti, A.I.M. (2021) al-Istishārat wa Atharūha fī Bayān al-Fatwā wa Iṣdār al-Ahkām. *Majallat al-Buhūth al-Qānūniyah* 12: 1-31.
- Kurdum, M.S. (2012). al-Ijtihād al-Jamā'ī wa Dawruhu fī Mu'ālat al-Nawāzil. *Majallah al-Haqīqah* 21: 368-396.
- Mahmoud, M. M. (2007). The Concept of Ijtihād in Islamic Law and its Implementation in the Modern Era. *Journal of Islamic Law and Culture*, 8(2).
- Massarwh, A. A. (2024). The Importance of Taking the Expert's Opinion. *International Journal of Religion*, 5 (10), 173-184.
- Mazkur, K.M.A. (1996). al-Ijtihād al-Jamā'ī fī Dawlat al-Kuwait. Dibentangkan di *Persidangan al-Ijtihād al-Jamā'ī fī al-'Ālam al-Islāmīy*. 21-23 Desember 1996, United Arab Emirates.
- Miftah, F.Y. (2011). *Al-Ijtihād al-Jamā'ī wa Ahammiyyatuh fī al-'Aṣr al-Hāḍir*. Risālah al-Taqrīb 83: 133-172.
- Mohd Alwi, N.H. (2006). Malaysian Fatwa Websites Studies. Dibentangkan di *International Conference on Information and Communication Technology on the Muslim Worlds*, Malaysia.
- Muhammad Khalid Masud, Brinkley Messick, and David Stephan Powers (eds.), *Islamic Legal Interpretation. Muftis and their Fatwas*.
- Mustafa Sanu, *Al-Ijtihād al-Jamā'ī al-Manshūd fī Daw' al-Wāqī' al-Mu'āṣir: Maḥmūmuhu, Anwā'uhū, Ḥukmuhū, Majālātuhū, Adawātuhū, Wasā'iluhū* (Beirut: Dār al-Nafā'is, 2006), lihat juga: Khalid Hussein al-Khalid, *Al-Ijtihād al-Jamā'ī fī al-Fiqh al-Islāmī* (Dubai: Jum'ah Al Māḥīd Centre for Culture and Heritage, 1st edn., 2009).
- Mustafa, A., & Ab Rahman, A. (2021). Tatacara Ijtihad oleh Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia dalam Menyelesaikan Isu Kewangan Islam. *Journal of Muamalat and Islamic Finance Research (JMIFR)* 18: 59-72.
- Mutlaq, Muhammad, A. (1996). *Al-Ijtihād al-Jamā'ī fī Haiyah Kibār al-'Ulamā' wa Lajnah al-Iftā' bi al-Mamlakah al-'Arabiyah al-Sa'ūdiyyah*. Dibentangkan di *Persidangan al-Ijtihād al-Jamā'ī fī al-'Ālam al-Islāmīy*. 21-23 Desember 1996, United Arab Emirates.
- al-Nawawi, Abu Zakaria (1412). *Rawdat Al-Talibin wa Umdat al-Muftin*. Islamic Office, Beirut.
- al-Qahtani, Muhammad, M.A. (2000). *Manhaj Istikhrāj al-Ahkām al-Fiqhiyyah Linnawāzil al-Mu'āṣirah*. PhD Thesis, Umm Qura University, Saudi Arabia.
- al-Qal'aji, Muhammad Rawwas. (2013). *Mu'jam Lughah al-Fuqahā'*. Beirut: Dār al-Nafā'is.
- al-Qaradawi Yusuf. (1996). *Al-Ijtihād fī al-Sharī'ah al-Islāmiyyah*. , Kuwait: Dār al-Qalam.
- al-Rasini, A.W. (2021). Bu'dul Mufti 'An al-Nāzilah Zamānan wa Makānan. *Majallah al-'Ulūm al-Islāmiyyah al-Duwalīyah* 5: 218-256.
- Sano, Qoutoub Moustapha. 2004. *Al-Ijtihad al-Jama'i al-Manshud fi Dhaw' al-Waqi' al-Mu'asir*. Kuala Lumpur: Dar al-Tajdid.
- Shabir, Muhammad Uthman. (2014). *Al-Takyif al-Fiqhī*. Dār al-Qalam, Damsyik.
- al-Shalabi, Muhammad Mustafa. (1982). Beirut: *Al-Fiqh al-Islamiy*. Dar Al-Jami'iyah.
- al-Shawi, *Fiqh al-Shūrā wa al-Istisharah* (Al-Mansoura: Dār al-Wafā', 2nd edn., 1992).
- al-Shawkānī, *Irshād al-Fuḥūl ilā Taḥqīq al-Haqq min 'Ilm al-Uṣūl*, ed. Abu Hafs Samy al-Athari (Riyadh: Dār al-Faḍīla, 1st edn., 1421/2000).
- al-Shirazi, Ibrahim bin Ali (1412). The Polite in the jurisprudence of Imam Al-Shafi'i (Muhammad al-Zuhaili investigation). Dar Al-Alam, Damascus.
- Sya'ban, Muhammad Ismail. (1998). *Al-Ijtihād al-Jamā'ī wa Dawr al-Majāmi' al-Fiqhiyyah fī Taḥbīqihī*. Beirut: Dār al-Bashā'ir.
- Tāriq Ramadan, *The Messenger: The Meanings of the Life of Muhammad*, (Oxford: University Press, 2010).
- Yaacob, A. M. (1998). *Sejarah Perkembangan Institusi Mufti Di Malaysia*. In. Yaacob, A. M., & Majid, R. (1998). *Mufti dan fatwa di negara-negara ASEAN*. Kuala Lumpur: IKIM.
- al-Zarqa', Mustafa Ahmad. (1985). *Al-Ijtihād wa Dawr al-Fiqh fī Hil al-Mushkilāt al-'Aṣr*. Al-Dirāsāt al-Islāmiyyah, Islamabad.